

**UNIVERSITI KUALA LUMPUR  
MALAYSIAN INSTITUTE OF INDUSTRIAL TECHNOLOGY**

---

**FINAL EXAMINATION  
JANUARY 2016 SEMESTER**

---

**COURSE CODE : MPU 3333**  
**COURSE TITLE : ISU-ISU KONTEMPORARI MUSLIM DI MALAYSIA**  
**PROGRAMME LEVEL : BACHELOR**  
**DATE : 20 MAY 2016**  
**TIME : 2.30 PM – 5.30 PM**  
**DURATION : 3 HOURS**

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

---

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. This question paper consists of TWO (2) sections.
4. Answer ALL questions in Section A With OMR paper . Choose TWO (2) questions in section B.
5. Please write your answers on the answer booklet provided.

---

**THERE ARE 22 PAGES OF QUESTIONS EXCLUDING THIS PAGE.**

---

**BAHAGIAN A (Jumlah: 60 Markah)****SOALAN OBJEKTIF****ARAHAN : Jawab SEMUA Soalan****Sila gunakan kertas OMR untuk menjawab soalan objektif.**

- 1 Setelah memeluk agama Islam, baginda Raja Kedah telah menukar nama kepada Sultan Muzafar Syah 1 (1137-1179) dan menggelar Kedah sebagai
  - A. Qaddah
  - B. Kedah
  - C. Darul Aman
  - D. Aman
  
- 2 Fahaman 'Assabiyyah' mengakibatkan
  - A. Agama Islam merupakan agama yang tinggi dan mulia daripada semua agama.
  - B. Semua agama mempunyai kebenaran.
  - C. Teks Al-Quran dan Al-Hadis ditafsir mengikut kaedah hermeneutik (falsafah).
  - D. Bangsa tertentu mengutamakan bangsanya sahaja sehingga sanggup menzalimi bangsa lain.
  
- 3 Merayakan Isra' dan Mikraj merupakan suatu amalan yang baik kerana
  - A. mengikut Sunnah Rasulullah SAW.
  - B. dapat berselawat dan berqasidah dengan para habib keturunan Rasulullah SAW.
  - C. berarak di dataran Putrajaya bagi mengukuhkan kesatuan.
  - D. menghayati dan mencontohi sirah dan sunnah Rasulullah SAW.

4



- Logo di atas penting bagi sesuatu produk halal kerana
- A. dikeluarkan oleh JAKIM.
  - B. dikeluarkan kerana mengiktiraf produk tersebut halal dan tayyib.
  - C. dilabelkan di mana-mana premis orang Islam.
  - D. dilabelkan bagi menunjukkan produk tersebut untuk orang Islam sahaja.
- 5 Berikut ialah cara-cara yang biasa diamalkan dalam perancangan keluarga **KECUALI**
- A. Menggunakan kondom
  - B. memakan nenas.
  - C. IUD (*Intra Uterine Device*)
  - D. Implan
- 6 Islam adalah agama yang datang daripada Allah, bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah. Hal ini merujuk Islam bersifat
- A. Syumuliyah
  - B. Rabbani
  - C. Thabat wal Murunah
  - D. 'Alamiyyah

7



Punca perkahwinan seperti di atas berlaku kerana

- I. ingin berpoligami tanpa pengetahuan isteri pertama.
  - II. belanja perkahwinan yang tinggi menyebabkan pasangan mengambil jalan singkat berkahwin di sempadan.
  - III. pasangan wanita hamil dan tidak sanggup berhadapan dengan keluarga.
  - IV. menjimatkan kos dan boleh melancong untuk berbulan madu.
- A. I dan II.
  - B. I, II dan III.
  - C. I dan III.
  - D. III dan IV.

8 Liberalisme ialah

- A. Kebebasan manusia untuk berfikir dan membuat keputusan.
- B. Asas kehidupan manusia yang mementingkan logik dan rasional.
- C. Teori atau sistem sosial dan ekonomi yang mengutamakan pembahagian sama rata sumber kekayaan negara kepada seluruh rakyat.
- D. Fahaman yang memisahkan urusan kehidupan dunia daripada agama.

9

Tidak mempercayai kewajipan solat ke atas seorang Muslim

Kenyataan di atas memberikan implikasi kepada seseorang Muslim menjadi seorang

- A. Fasiq.
  - B. Murtad.
  - C. Syirik.
  - D. Kufur.
- 10 Halal telah menjadi suatu industri yang sangat berkembang mutakhir ini. Halal bukan hanya melibatkan makanan dan minuman semata-mata, tetapi telah melibatkan sektor-sektor industri yang lain. Sektor-sektor yang dilihat positif dalam industri halal ialah
- i. Ramuan makanan halal
  - ii. Kosmetik halal
  - iii. Logistik halal.
  - iv. Tulang dan seramik halal.
- A. I dan II.
  - B. I, II dan III.
  - C. I, III dan IV.
  - D. I, II, III dan IV.
- 11 Zurina disahkan sebagai anak tak sah taraf sebelum hari pernikahannya. Sebagai seorang anak, Zurina ingin mengetahui siapakah bapanya sehingga ia lahir ke dunia. Walaupun begitu, lelaki tersebut tidak boleh menjadi wali kepada Zurina pada hari pernikahannya. Hal ini disebabkan
- A. Lelaki tersebut hilang kelayakan kerana tuan imam ingin menjadi wali nikah.
  - B. Lelaki tersebut hilang kelayakan kerana dia tidak bertanggungjawab menjaga Zurina hingga besar.
  - C. Lelaki tersebut hilang kelayakan menjadi wali kerana Zurina dilahirkan berpunca daripada benih lelaki yang tidak bernikah dengan si ibu secara syarak.
  - D. Lelaki tersebut hilang kelayakan menjadi wali kerana Zurina tidak mengetahui siapa bapanya sebenar sehingga hari pernikahan.

- 12 Gelatin diharamkan penggunaannya kerana
- A. bersumber daripada khinzir.
  - B. bersumber daripada anjing.
  - C. bersumber daripada lembu yang tidak disembelih secara syarak.
  - D. bersumber daripada kilang yang memproses secara tidak menepati hukum syarak.
- 13 Perkahwinan lewat merupakan salah satu punca kadar kesuburan rendah di kalangan masyarakat Islam. Perkahwinan lewat berlaku kerana sebab-sebab berikut iaitu
- I. wanita kini ramai yang mementingkan kerjaya.
  - II. belanja perkahwinan dan kos sara hidup rumahtangga semakin tinggi.
  - III. lelaki yang tidak pandai menjaga rumahtangga.
  - IV. lelaki dan wanita tidak matang untuk berkahwin awal.
- A. I dan II.
  - B. I dan III.
  - C. I, II dan III.
  - D. I, II dan IV.
- 14 Sistem demokrasi mempunyai beberapa persamaan dengan sistem syura dalam Islam. Sistem demokrasi telah dimanfaatkan oleh pergerakan Islam bagi menegakkan sistem pemerintahan Islam di negara masing-masing. Persamaan demokrasi dan syura adalah seperti berikut **KECUALI**
- A. Mengambil pandangan banyak pihak.
  - B. Pandangan pakar sesuatu bidang akan diambil kira.
  - C. Sesi perbincangan dan perbahasan di antara banyak pihak untuk mendapatkan keputusan yang terbaik.
  - D. Undi majoriti adalah suatu keputusan yang mutlak.

- 15 Berikut ialah konsep definisi Islam yang betul **KECUALI**
- I. Tunduk dan menyerah diri kepada Allah SWT.
  - II. Sistem kehidupan yang lengkap yang mengatur kehidupan manusia.
  - III. Merupakan petunjuk kehidupan manusia dan penyelesaian segala isu yang melanda manusia.
  - IV. Aspek yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.
- A. I dan II.
  - B. I dan III.
  - C. I, II dan III.
  - D. I, II, III dan IV.
- 16 Berikut ialah contoh-contoh ibadah khusus **KECUALI**
- A. Menyambut Maulidur Rasul.
  - B. Solat Tahajud
  - C. Membaca Al-Quran
  - D. Puasa 3 hari dalam sebulan.
- 17 Berikut ialah nama-nama gerakan Islam di negara-negara yang betul **KECUALI**
- A. Al-Karimah – Sudan
  - B. Jamaat Islami – Pakistan
  - C. Masyumi – Indonesia
  - D. Al-Ikhwanul Muslimun – Mesir
- 18 Perbankan Islam menepati syariat kerana prinsip-prinsip berikut **KECUALI**
- A. Bebas daripada amalan riba'.
  - B. Bebas daripada unsur perjudian.
  - C. Bebas daripada unsur penipuan.
  - D. Bebas daripada undang-undang sivil.

- 19 Kepentingan institusi masjid perlu diberi perhatian oleh generasi muda agar dapat memajukan dan mengaktifkan aktiviti yang dijalankan. Namun, kesedaran ini masih minimum di peringkat golongan muda. Hal ini disebabkan
- I. Masjid tidak menyediakan tempat riadah yang menjadi kegemaran golongan muda.
  - II. Ahli jawatankuasa masjid tidak dilantik di kalangan golongan muda.
  - III. Aktiviti yang dijalankan masih kurang menarik perhatian dan minat golongan muda.
  - IV. Pengurusan dan pentadbiran masjid kurang teratur dan sistematik.
- A. I dan II.
  - B. I, II dan III.
  - C. I, III dan IV.
  - D. III dan IV
- 20 Euthanasia (*mercy killing*) diharamkan kerana
- A. Menyebabkan waris si mati bersedih hati.
  - B. Menyamai dengan perbuatan membunuh dan bertentangan dengan etika perubatan di Malaysia.
  - C. Tidak memelihara hak asasi manusia untuk mendapatkan rawatan yang sempurna.
  - D. Menggalakkan pihak hospital melepaskan tanggungjawab ke atas pesakit untuk memberikan rawatan.
- 21 Seseorang digalakkan mencintai tanah air kerana
- A. Tanah mempunyai nilai komersial yang tinggi.
  - B. Seseorang mempunyai naluri mencintai tempat tanah tumpah darahnya.
  - C. Mencintai tanah air sebahagian daripada iman berdasarkan hadis Rasulullah.
  - D. Berbakti pada tanah memberi banyak keberkatan kepada tuan tanah.



22

**Q.63** Concerning daily salat or prayer, do you, in general, pray all five salat daily, make some of the five salat daily, occasionally make salat, only make Eid prayers, or do you never pray?<sup>36</sup>

<i>Muslim Americans</i> Apr 14-Jul 22 <u>2011</u>		<i>Muslim Americans</i> Jan 24-Apr 30 <u>2007</u>	
65	Pray daily ( <b>NET</b> )	61	
48	Pray all five salat	41	
18	Make some of the five salat daily	20	
18	Occasionally make salat	20	
7	Only make Eid prayers	6	
8	Never pray	12	
1	Don't know/Refused ( <b>VOL.</b> )	1	

Data di atas menunjukkan bahawa amalan agama individu mampu mempengaruhi hidupnya daripada melakukan jenayah. Hal ini kerana

- A. Agama mengajar erti dosa dan pahala.
- B. Agama mencegah seseorang melakukan jenayah.
- C. Agama menjanjikan balasan yang dahsyat kepada pelaku jenayah.
- D. Agama membentuk peribadi manusia melakukan perkara baik dan meninggalkan perkara buruk.

23 "Pakaian taqwa adalah lebih penting berbanding menutup aurat dan hijab seperti yang disebut dalam Al-Quran dan Al-Hadis."

Kenyataan di atas menunjukkan

- A. Pakaian taqwa dan menutup aurat dan berhijab adalah wajib ke atas setiap muslim..
- B. Pakaian taqwa sudah memadai walaupun tidak memakai hijab.
- C. Pakaian taqwa merupakan aurat yang paling dituntut dalam Islam untuk menjaganya
- D. Menutup aurat dan dan berhijab adalah dituntut kepada mereka yang ingin berhijrah daripada tidak baik kepada yang lebih baik.

# Ayam sembelih tak putus urat

Peniaga jenajit halal, urat masih berdarah, talas ciput, seramita

12/01/2016, 10:00am

**P**ada sembelihan ayam, urat yang putus itu sepatutnya tidak berdarah. Tetapi, peniaga jenajit halal di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya, sering kali menjual ayam yang masih berdarah. Selain itu, talas ayam yang dipotong juga masih mempunyai ciput darah. Seramita, peniaga jenajit halal di Kuala Lumpur, berkata, dia melihat talas ayam yang dipotong masih mempunyai ciput darah. Seramita berkata, dia melihat talas ayam yang dipotong masih mempunyai ciput darah.



**URAT ayam sembelih di jenajit halal rayu di Putrajaya.**

Sementara itu, peniaga jenajit halal di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya, sering kali menjual ayam yang masih berdarah. Selain itu, talas ayam yang dipotong juga masih mempunyai ciput darah. Seramita, peniaga jenajit halal di Kuala Lumpur, berkata, dia melihat talas ayam yang dipotong masih mempunyai ciput darah.

Sementara itu, peniaga jenajit halal di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya, sering kali menjual ayam yang masih berdarah. Selain itu, talas ayam yang dipotong juga masih mempunyai ciput darah. Seramita, peniaga jenajit halal di Kuala Lumpur, berkata, dia melihat talas ayam yang dipotong masih mempunyai ciput darah.

Sementara itu, peniaga jenajit halal di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya, sering kali menjual ayam yang masih berdarah. Selain itu, talas ayam yang dipotong juga masih mempunyai ciput darah. Seramita, peniaga jenajit halal di Kuala Lumpur, berkata, dia melihat talas ayam yang dipotong masih mempunyai ciput darah.

Potongan berita di atas menunjukkan

- A. Isu penyembelihan ayam di Malaysia tidaklah kritikal.
- B. Tukang sembelih mestilah dari warga tempatan.
- C. Kesedaran masyarakat Islam terhadap isu daging ayam amat penting bagi memastikan ayam disembelih dan diproses mengikut syarak.
- D. Ayam hendaklah disembelih lebih daripada satu urat.

25




Foto 1 menunjukkan menggambarkan rempah ratus yang amat penting dalam kehidupan masyarakat khususnya di Eropah. Kepentingan rempah ratus ini mengakibatkan Islam berkembang ke serata tempat di Timur dan Barat hasil daripada

- A. Kepakaran orang Arab dan Parsi berdagang.
  - B. Orang Islam amat gemar makanan berempah.
  - C. Persinggahan orang Arab dan Parsi ke Tanah Melayu.
  - D. Monopoli perdagangan rempah ratus di kalangan orang Arab dan Parsi.
- 26 Seseorang lelaki diharuskan melihat anggota seseorang wanita yang ingin dinikahinya. Anggota-anggota badan tersebut adalah:
- A. muka dan tangan.
  - B. muka dan kedua-dua tapak tangan.
  - C. muka, tapak tangan dan kaki hingga buku lali.
  - D. muka dan sebahagian tangan hingga ke siku.

- 27 Islam sempit bermaksud seperti di bawah **KECUALI**
- A. Melihat Islam dalam aspek ibadah khusus sahaja.
  - B. Dakwah Islam hanya di masjid dan surau.
  - C. Mempelajari Islam perlu berguru yang belajar di Timur Tengah.
  - D. Mengamalkan ajaran Islam secaya syumul.
- 28 Berikut ialah faktor-faktor kebangkitan Islam di Malaysia
- I. Peristiwa 13 Mei 1969
  - II. Kesedaran Islam yang semakin tinggi di kalangan rakyat.
  - III. Kesan Revolusi Iran pada awal 1980-an.
  - IV. Penubuhan pertubuhan-pertubuhan Islam yang memberikan kesedaran Islam.
- A. I dan II.
  - B. I, II dan III.
  - C. I, II dan IV.
  - D. I, II, III dan IV.
- 29 Berikut ialah bukti pertapakan Islam di Tanah Melayu **KECUALI**
- A. Akibat pemberontakan Hwang Chao di Canton (878M), ramai pedagang Islam melarikan diri ke Kedah.
  - B. Penemuan batu nisan jenis batu Aceh yang bertarikh abad ke-16 di Kampung Kota dan Kampung Pulau Meranti Perak
  - C. Penemuan dinar emas di Wakaf Baru yang tertulis al-Mutawakkil dan al-Julus Kelantan 557.
  - D. Penemuan mahkota emas yang bertulisan ayat al-Quran (surah al-Kahfi dan at-Taubah) bertarikh 652H/1254M di Terengganu.
- 30 Islam memelihara akal dengan contoh-contoh berikut **KECUALI**
- A. Melarang umat Islam meminum arak.
  - B. Mewajibkan umat Islam menuntut ilmu baik lelaki mahupun perempuan.
  - C. Islam melarang umatnya melihat perkara-perkara lucu dan menaikkan syahwat.
  - D. Islam menggalakkan lelaki melihat bakal isterinya di mana-mana sahaja kerana ingin memastikan kesesuaian diri masing-masing.

- 31 Berikut ialah perkara-perkara yang muncul akibat liberalisme agama **KECUALI**
- A. Pluralisme agama.
  - B. Feminisme.
  - C. Hermenueitika Al-Quran
  - D. Hedonisme
- 32 Berikut merupakan ciri-ciri kehendak manusia
- I. Kehendak tidak terbatas.
  - II. Kehendak berulang-ulang.
  - III. Kehendak saling melengkapi.
  - IV. Kehendak jatuh menjatuhkan.
- A. I, II dan III.
  - B. I, II dan IV.
  - C. I, III dan IV.
  - D. II, III dan IV.
- 33 Nafkah iddah bagi isteri yang ditalak dengan talak rajie (talak yang boleh dirujuk) ialah
- A. Nafkah dan pakaian
  - B. Nafkah dan kenderaan
  - C. Nafkah dan makanan
  - D. Nafkah dan kediaman
- 34 Berikut ialah perbuatan-perbuatan yang **BUKAN** menjaga alam sekitar **KECUALI**
- A. Menghisap rokok dan membuang puntungnya merata-rata.
  - B. Makan dan minum menggunakan polistrin.
  - C. Mengurangkan penggunaan plastik.
  - D. Membakar sampah secara kecil-kecilan.
- 35 Berikut ialah perkara-perkara yang dilaksanakan semasa mengerjakan Haji di Mekah **KECUALI**
- A. Wukuf di Arafah.
  - B. Solat 5 waktu sehari semalam.
  - C. Saie dari Safa dan Marwa.
  - D. Membayar zakat fitrah.

- 36 Amar makruf dan nahi mungkar merupakan salah satu daripada ciri-ciri utama ajaran Islam. Hal ini kerana
- A. Amar makruf dan nahi mungkar boleh mengurangkan maksiat dan kegiatan zina di kalangan masyarakat.
  - B. Menjadikan umat Islam umat yang terbaik dan dihormati.
  - C. Memudahkan pihak berkuasa bertindak dan menguatkuasakan undang-undang membanteras maksiat.
  - D. Membantu negara mengatasi masaiah sosial.
- 37 Berikut ialah kedudukan harta menurut pandangan Islam **KECUALI**
- A. Harta sebagai tiang penegak kehidupan.
  - B. Harta merupakan '*khairan*' iaitu suatu kebaikan.
  - C. Harta kekayaan merupakan cubaan dan ujian hidup.
  - D. Harta hendaklah dikumpul dan dikembangkan agar dapat menjamin masa depan seseorang muslim.
- 38 Berikut ialah masalah dan cabaran masjid **KECUALI**
- A. Menyediakan tempat ibadah yang selesa.
  - B. Menyediakan kemudahan yang selesa kepada para pelancong khususnya non-muslim.
  - C. Menyediakan program pengukuhan ilmu dan penjanaan diri.
  - D. Menjadikan institusi masjid sebagai medan pengukuhan silaturahim.
- 39 Berita yang diperolehi daripada sumber media sosial seperti *Facebook* perlu dipastikan kebenarannya kerana alasan berikut **KECUALI**
- A. Untuk mengelakkan daripada terleka dengan '*posting*' orang lain.
  - B. Untuk mengelakkan daripada menyebarkan perkara yang tidak benar.
  - C. Untuk mengelakkan daripada menfitnah orang lain.
  - D. Untuk mengelakkan daripada membazir masa, wang dan ruang.

- 40 Iman mempunyai ciri-ciri berikut **KECUALI**
- Membenarkan dengan hati.
  - Berikrar dengan lisan.
  - Mengamalkan dengan anggota.
  - Melupakan perkara yang lepas.
- 41 Berikut ialah kesan sumbang mahram ke atas diri seseorang wanita **KECUALI**
- Takut hubungan intim
  - Murung
  - Rasa ingin bunuh diri
  - Tidak semangat untuk mengerjakan solat.

42

## 407 sertai program derma organ

» **Beri kebenaran guna anggota badan dalam pembelajaran**

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**S**ebanyak 407 individu mendaftar dalam program sukarelawan menderma organ 'Silent Mentor', membenarkan organ dan anggota badan digunakan bagi tujuan penyelidikan dan pembelajaran selepas mereka meninggal dunia.

Pengurus program berkenaan, Sia Thian Eng, berkata inisiatif itu dijayakan Universiti Malaya (UM) dengan kerjasama Universiti Taylor's bertujuan mendapatkan organ dan anggota badan

sebenar manusia untuk kegunaan pelajar fakulti perubatan pusat pengajian tinggi.

Cuna mayat sebagai medium

"Program ini khusus untuk tujuan penyelidikan dan sesi pembelajaran menggunakan mayat sebagai medium. UM adalah universiti kedua di dunia yang berjaya mempraktikkan kaedah pembelajaran seumpama itu selain pusat pengajian di Taiwan.

"Organ serta anggota badan yang didermakan, dipautkan tidak diberikan kepada pihak lain kecuali untuk tujuan penyelidikan dan pembelajaran peserta program ini," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UM dan Universiti Taylor's, di sini, setialam.

Belliau berkata, daripada 407 penderma yang membuat ikrar berkenaan, 23 sudah meninggal dunia termasuk 16 yang sudah

digunakan untuk program tersebut.

"Mayat hanya boleh disimpan bagi tempoh empat hari dalam suhu sifar 20 darjah Celsius bagi memosukannya tidak rosak. Sebelum prosedur selanjutnya dilakukan, seluruh peserta program akan membuat penghormatan terakhir kepada penderma berkenaan.

Jahit semula mayat

"Selepas proses itu, mayat penderma akan dijahit semula ke bentuk asal sebelum diserahkan kepada keluarga untuk pengebumian," katanya sambil menambah, pelajar yang terpilih menyertai program itu perlu melalui saringan ketat bagi memastikan mereka tidak menyalahi pengorbanan penderma.

"Antara aspek utama yang diuji adalah keupayaan mereka menyalami, memahami perasaan atau emosi orang lain walaupun individu itu sudah tidak bernyawa lagi," katanya.



Sekumpulan pelajar memberi penghormatan terakhir kepada mayat penderma sebelum prosedur dijalankan.

Anggota badan mayat penderma diimbui untuk melihat biologi yang boleh digunakan.

Keratan akhbar di atas menunjukkan

- Kesedaran menderma organ masih rendah.
- Kempen kesedaran menderma organ perlu dipergiatkan.
- Terdapat banyak organ yang dapat dikumpulkan oleh penderma-penderma organ.
- Organ perlu didermakan untuk keuntungan pihak tertentu.

- 43 Berikut ialah benar berkenaan pertubuhan Islam bukan kerajaan yang wujud di Malaysia **KECUALI**
- A. ABIM – memainkan peranan yang penting dalam memberikan kesedaran Islam pada era 80-an.
  - B. Pertubuhan IKRAM –Pertubuhan NGO Islam yang nama dahulunya ialah Jemaah Islah Malaysia (JIM).
  - C. ISMA – merupakan pertubuhan Islam yang mempunyai rangkaian antarabangsa yang sangat luas.
  - D. Persatuan Ulama Malaysia (PUM) – merupakan antara pertubuhan Islam yang telah secara rasmi ditubuhkan di Kolej Islam Kelang pada tahun 1974.
- 44 Seseorang muslim wajib memelihara aurat kerana alasan yang berikut **KECUALI**
- A. Memelihara maruah.
  - B. Mengikut fesyen dan *trend* baru.
  - C. Menunaikan kewajipan sebagai seorang muslim.
  - D. Meningkatkan syiar Islam.
- 45 Wanita lebih mudah mengalami kemurungan disebabkan alasan yang berikut **KECUALI**
- A. Tekanan di tempat kerja.
  - B. Tekanan dengan suami yang tidak memahami isteri.
  - C. Tekanan dengan kerendah anak-anak.
  - D. Tekanan kerana kenaikan harga barangan dapur.
- 46 Sistem kewangan Islam boleh dipertingkatkan dengan
- A. Menggunakan mata wang dinar dengan drastik.
  - B. Menutup akaun perbankan konvensional dan beralih kepada perbankan Islam.
  - C. Menggalakkan majikan dan pekerja menggunakan perbankan Islam dalam urusan kerjaya.
  - D. Menyuntik modal yang besar kepada perbankan Islam.



- 47 Keganasan rumah tangga berlaku akibat
- A. Hak dan tanggungjawab suami atau isteri tidak ditunaikan dengan baik.
  - B. Suami tidak cukup wang untuk menyara keluarga.
  - C. Isteri keluar bekerja hingga mengabaikan tugas sebagai isteri dan ibu.
  - D. Anak-anak tidak menghormati orang tua.
- 48 Modifikasi genetik makanan amat penting kerana faktor berikut **KECUALI**
- A. Meningkatkan hasil pengeluaran.
  - B. Meningkatkan kualiti produk dan hasil pertanian.
  - C. Merosakkan tanaman dan bentuk buah-buahan.
  - D. Meningkatkan mutu kesihatan manusia.
- 49 "Tokoh Islam yang mengikut arus ini antaranya ialah Sir Sayid Ahmad Khad (India), Taha Husin, Qasim Amin, Ali Abd al-Raziq (Mesir) dan Sukarno di Indonesia."
- Tokoh-tokoh di atas dikategorikan mereka yang cenderung mengagung-agungkan barat kerana
- A. Negara barat lebih maju daripada negara timur.
  - B. Mereka mendapat didikan barat dan mempunyai hubungan yang rapat dengan pemerintah barat di negara mereka.
  - C. Mereka adalah orang barat yang tinggal di negara Islam dengan nama Islam.
  - D. Mereka menjadi pengasas kepada negara maju dan moden di negara Islam.
- 50 Tujuan Majlis Fatwa Kebangsaan ditubuhkan adalah seperti berikut **KECUALI**
- A. Membatalkan fatwa kerajaan negeri yang bertentangan.
  - B. Menjadi platform para mufti dan pakar membincangkan sesuatu perkara berkaitan kepentingan orang Islam.
  - C. Membantu menjadi penyelarasa kepada isu-isu negara yang berkaitan dengan agama Islam.
  - D. Meningkatkan penyatuan umat Islam di Malaysia.

- 51 Berikut ialah tokoh-tokoh Ahlus Sunnah Wal Jamaah **KECUALI**
- A. Imam Hanafi Ar-Rasyid.
  - B. Imam Malik bin Anas
  - C. Imam Muhammad bin Idris
  - D. Imam Ahmad bin Hanbal.
- 52 Pakar bersetuju bahawa sekiranya seseorang itu nekad untuk membunuh diri, tiga jenis perasaan telah terbentuk di dalam dirinya iaitu
- I. tidak lagi tahan untuk menanggung azab
  - II. tidak lagi mampu melarikan diri
  - III. tidak upaya lagi menghadapi ketentuan
  - IV. tidak mampu menenangkan diri
- A. I dan II.
  - B. I, II dan III.
  - C. I, II dan IV.
  - D. II, III dan IV.
- 53 "Suatu ideologi, pandangan firasat dan tradisi politik yang didasarkan pada pemahaman bahawa kebebasan adalah nilai politik utama."
- Merujuk kepada kenyataan di atas, ideologi tersebut ialah
- A. Sekularisme.
  - B. Nasionalisme.
  - C. Pluralisme.
  - D. Liberalisme.

- 54 Penggunaan bomoh dalam tragedi MH 370 yang melanda negara kita memberikan implikasi daripada pelbagai sudut seperti
- I. Menjejaskan akidah umat Islam.
  - II. Memberikan ruang umat Islam mempercayai segala usaha yang mampu wajar digunakan termasuk mendapatkan khidmat bomoh.
  - III. Berbangga kerana Malaysia mempunyai bomoh yang bertaraf dunia.
  - IV. Suatu usaha yang sia-sia dan wajar dibendung dan diambil tindakan undang-undang kerana bertentangan dengan syariat.
- A. I dan II.
  - B. I dan III.
  - C. I dan IV.
  - D. I, II dan IV.
- 55 Prinsip-prinsip kepenggunaan ialah
- I. Kejujuran.
  - II. Kesederhanaan.
  - III. Kebersihan dan kesucian.
  - IV. Kerohanian.
- A. I dan II.
  - B. I, II dan III.
  - C. II, III dan IV.
  - D. I, III dan IV.
- 56 Nafkah yang boleh dituntut di Mahkamah Syariah selepas perceraian ialah
- I. Nafkah anak-anak.
  - II. Harta keluarga.
  - III. Hak penjagaan anak.
  - IV. Mut'ah.
- A. I dan II.
  - B. I, II dan III.
  - C. I, III dan IV.
  - D. I, II dan IV.

- 57 Pada Januari dan Februari 2014, Malaysia dikejutkan dengan perubahan suhu secara mendadak iaitu suhu terendah mencapai 14 darjah Celsius dan paling tinggi sehingga 40 darjah Celsius. Ini disebabkan beberapa faktor alam sekitar.

Berdasarkan kenyataan di atas, faktor-faktor yang menyumbang kepada cuaca tersebut ialah

- I. Pembakaran terbuka.
  - II. Penggunaan kloro floro karbon (CFC) secara berleluasa.
  - III. Penggunaan kenderaan.
  - IV. Letusan gunung berapi.
- A. I, II dan III.
  - B. I, II dan IV.
  - C. II, III dan IV.
  - D. I, II, III dan IV.
- 58 Populasi Muslim di seluruh dunia dijangka meningkat sehingga 2.2 billion pada tahun 2030 daripada 1.6 billion pada 2010. Perkembangan ini adalah sekitar 1.7% berbanding non-Muslim iaitu 0.7%. Kenyataan di atas adalah berdasarkan faktor-faktor berikut **KECUALI**.
- A. Kesuburan.
  - B. Migrasi.
  - C. Jangkauan umur.
  - D. Peperangan.
- 59 Seseorang yang bermusafir dengan memenuhi syarat tertentu dibenarkan mengumpulkan solat Zohor dan Asar pada satu waktu dan dipendekkan solat tersebut daripada 4 menjadi 2 rakaat. Hal ini juga boleh dilakukan pada solat Maghrib dan Isyak. Kenyataan di atas merujuk kepada Islam bersifat
- A. Syumuliyah
  - B. Inqilabiyah
  - C. Thabat wal Murunah
  - D. 'Alamiyyah

- 60 Perbankan Islam berdasarkan prinsip-prinsip berikut **KECUALI**
- A. Tidak berasaskan riba'.
  - B. Tiada unsur perjudian.
  - C. Tiada unsur penipuan.
  - D. Tiada unsur keuntungan.

**BAHAGIAN B(Jumlah:40 markah)****ARAHAN : Jawab DUA (2) soalan sahaja.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.****Soalan 1**

Bincangkan isu-isu di bawah dan beri pandangan anda tentang langkah-langkah penyelesaian yang boleh diambil.

- a) Liberalisme yang berkaitan dengan isu wanita. (4 markah)
- b) Membanteras pluralisme agama. (4 markah)
- c) Rasuah dan bahayanya kepada negara. (4 markah)
- d) Poligami sebagai penyelesaian andalusia (wanita berusia dan bujang). (4 markah)
- e) Aurat dalam bersukan. (4 markah)

**Soalan 2**

- a) Penduduk Islam semakin bertambah menjadi 2.2 billion pada 2030. Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan penduduk Islam seluruh dunia. (10 markah)
- b) Huraikan peranan gerakan Islam dalam membangkitkan kesedaran umat Islam terhadap khilafah dan pemerintahan. (10 markah)

**Soalan 3**

Jelaskan perkara-perkara di bawah.

- a) Definisi halal menurut bahasa, syarak, industri dan standard halal. (10 markah)
- b) Kriteria asas baik dan buruk sesuatu barangan gunaan menurut syariah. (10 markah)

**Soalan 4**

- a) Huraikan bahaya dan ancaman yang dinyatakan daripada al-Quran dan as-Sunnah berkenaan Riba'. (10 markah)
- b) Jelaskan TIGA (3) cara pengurusan harta Islam dengan menyatakan contoh badan atau agensi yang terlibat. (10 markah)

**END OF QUESTION**

